

seseorang daripada kamu minum, maka janganlah dia bernafas di dalam bekas (yang diminumnya) itu dan apabila dia pergi ke tempat membuang air, maka janganlah dia menyentuh kemaluannya dengan tangan kanan dan janganlah dia menyapu najis dengan tangan kanannya²⁶.”

بَاب لَا يُمَسِّكُ ذِكْرَهُ يَمِينِهِ إِذَا بَالَ

(Zahab)

19- Bab: Tidak Boleh Seseorang Memegang Kemaluannya Dengan Tangan Kanan Ketika Kencing

١٥٠ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ يُوسُفَ قَالَ حَدَّثَنَا الْأَوْزَاعِيُّ عَنْ يَحْيَى بْنِ أَبِي كَثِيرٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي قَتَادَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا بَالَ أَحَدُكُمْ فَلَا يَأْخُذَنَّ ذِكْرَهُ يَمِينِهِ وَلَا يَسْتَنْجِي يَمِينِهِ وَلَا يَتَنَفَّسُ فِي الْأَنْاءِ

150 - Muhammad bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya: Al-Auza'i meriwayatkan kepada kami daripada Yahya bin Abi Katsir daripada `Abdillah bin Abi Qatadah daripada ayahnya daripada Nabi s.a.w. Baginda bersabda: “Apabila seseorang daripada kamu kencing maka janganlah sekali-kali dia memegang kemaluannya dengan tangan kanan. Dia tidak boleh beristinja' dengan tangan kanannya dan janganlah seseorang bernafas di dalam bekas minuman.” 14/3

بَابِ الْاسْتِجْاءِ بِالْحِجَارَةِ

20- Bab: Beristinja' Dengan Batu.

١٥١ - حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ مُحَمَّدٍ الْمَكِّيُّ قَالَ حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ يَحْيَى بْنِ سَعِيدٍ عَنْ عَمْرِو الْمَكِّيِّ عَنْ جَدِّهِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ أَتَبَعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَخَرَجَ لِحَاجَتِهِ فَكَانَ لَا يَلْتَفِتُ فَدَنَوْتُ مِنْهُ فَقَالَ ابْغِنِي أَحْجَارًا أَسْتَنْفِضُ بِهَا أَوْ نَحْوَهُ وَلَا تَأْتِنِي بِعَظْمٍ وَلَا رَوْثٍ فَأَتَيْتُهُ بِأَحْجَارٍ بِطَرَفِ ثِيَابِي فَوَضَعْتُهَا إِلَى جَنْبِهِ وَأَعْرَضْتُ عَنْهُ فَلَمَّا قَضَى أَتْبَعَهُ بِهِنَّ

²⁶ Larangan yang tersebut di dalam hadits ini menurut jumhur 'ulama' adalah larangan tanzihī atau ta'dibi tetapi menurut 'ulama' Zahiriyyah ia adalah larangan tahrimi.

151 - Ahmad bin Muhammad Al-Makki meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Amar bin Yahya bin Sa'id bin 'Amar Al-Makki meriwayatkan kepada kami daripada datuknya daripada Abi Hurairah, katanya: "Saya mengikuti Nabi s.a.w ketika Beliau keluar untuk membuang air. Beliau tidak berpaling, tetapi saya menghampirinya. Pd ketika itulah Nabi s.a.w bersabda: "Carilah beberapa biji (anak) batu untuk aku beristinja' dengannya atau lebih kurang begitulah kata Beliau²⁷. Namun janganlah engkau bawa kepadaku tulang dan najis binatang". Sejurus kemudian saya bawakan kepada Beliau beberapa biji (anak) batu dalam kendongan saya, lalu meletakkan di sebelahnyadan terus saja berpaling meninggalkannya. Setelah selesai membuang air, Nabi s.a.w pun menggunakan batu-batu itu."

باب لا يستنجى بروث

21- Bab: Tidak Boleh Beristinja' Dengan Najis.

١٥٢ - حَدَّثَنَا أَبُو نُعَيْمٍ قَالَ حَدَّثَنَا زُهَيْرٌ عَنْ أَبِي إِسْحَاقَ قَالَ لَيْسَ أَبُو عُبَيْدَةَ ذَكَرَهُ وَلَكِنْ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ الْأَسْوَدِ عَنْ أَبِيهِ أَنَّهُ سَمِعَ عَبْدَ اللَّهِ يَقُولُ أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْغَائِطَ فَأَمَرَنِي أَنْ آتِيَهُ بِثَلَاثَةِ أَحْجَارٍ فَوَجَدْتُ حَجَرَيْنِ وَالتَّمَسْتُ الثَّالِثَ فَلَمْ أَجِدْهُ فَأَخَذْتُ رَوْثَةً فَأَتَيْتُهُ بِهَا فَأَخَذَ الْحَجَرَيْنِ وَأَلْقَى الرَّوْثَةَ وَقَالَ هَذَا رِكَسٌ وَقَالَ إِبْرَاهِيمُ بْنُ يُوسُفَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ أَبِي إِسْحَاقَ حَدَّثَنِي عَبْدُ الرَّحْمَنِ

152 - Abu Nu'aim meriwayatkan kepada kami, katanya: Zuhair meriwayatkan kepada kami daripada Abi Ishaq, katanya: "Bukan Abu 'Ubaidah menyebutnya tetapi Abdur Rahman bin Al-Aswad daripada ayahnya bahawa dia telah mendengar 'Abdullah bin Ibnu Mas'ud bercerita: "Nabi s.a.w pergi ke tempat membuang air dan Beliau menyuruh saya membawakan kepadanya tiga biji (anak) batu". Saya mendapat dua biji batu dan mencari yang ketiga namun tidak dapat. Lalu saya mengambil seketul

²⁷ Abu Hurairah telah menyebutkan perkataan استنجى di dalam hadits ini tetapi dia syak tentangnya. Kerana itu dia mengatakan boleh jadi juga Nabi s.a.w telah menyebutkan perkataan-perkataan lain yang ma'nanya lebih kurang dengan perkataan itu seperti perkataan استنجى atau perkataan استظف dan sebagainya.

najis binatang yang telah kering. Apabila saya bawakan kepada Nabi s.a.w, Baginda hanya mengambil dua biji anak batu dan membuang najis itu sambil berkata: "Ini kotor."

Ibrahim bin Yusuf meriwayatkan daripada ayahnya daripada Abi Ishaq, katanya: 'Abdur Rahman meriwayatkan kepada saya.

باب الوضوء مرة مرة

22- Bab: Berwudhu' (Dgn Membasuh Anggota Wudhu') Sekali-Sekali (Sahaja).

١٥٣ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ يُوسُفَ قَالَ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ عَنْ زَيْدِ بْنِ أَسْلَمَ عَنْ عَطَاءِ بْنِ يَسَارٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ تَوَضَّأَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّةً مَرَّةً

153 - Muhammad bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya: Sufyan meriwayatkan kepada kami daripada Zaid bin Aslam daripada 'Atha' bin Yasar daripada Ibni 'Abbaas , katanya: "Nabi s.a.w pernah berwudhu' (dengan membasuh setiap anggota wudhu'nya) sekali-sekali (sahaja)²⁸."

باب الوضوء مرتين مرتين

23- Bab: Berwudhu' (Dgn Membasuh Setiap Anggota Wudhu') Dua- Dua Kali.

١٥٤ - حَدَّثَنَا حُسَيْنُ بْنُ عِيسَى قَالَ حَدَّثَنَا يُونُسُ بْنُ مُحَمَّدٍ قَالَ حَدَّثَنَا فُلَيْحُ بْنُ سُلَيْمَانَ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي بَكْرٍ بْنِ عَمْرٍو بْنِ حَزْمٍ عَنْ عَبَّادِ بْنِ تَمِيمٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ زَيْدٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَوَضَّأَ مَرَّتَيْنِ مَرَّتَيْنِ

²⁸ Daripada hadits ini diketahui bahawa fardhu wudhu' itu tertunai dengan hanya membasuh setiap anggota wudhu' yang perlu dibasuh sebanyak sekali, sekali sahaja.

154 - Husain bin 'Isa meriwayatkan kepada kami, katanya: Yunus bin Muhammad meriwayatkan kepada kami, katanya: Fulaih bin Sulaiman meriwayatkan kepada kami daripada 'Abdillah bin Abi Bakar bin 'Amar bin Hazm daripada 'Abbaad bin Tamim daripada 'Abdillah bin Zaid²⁹: "Bahawa Nabi s.a.w pernah berwudhu' (dengan membasuh setiap anggota wudhu'nya) dua-dua kali. 21/3/01

باب الوضوء ثلاثاً ثلاثاً

24- Bab: Berwudhu' (Dgn Membasuh Setiap Anggota Wudhu') Tiga- Tiga Kali.

١٥٥ - حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْأَوْسِيُّ قَالَ حَدَّثَنِي إِبْرَاهِيمُ بْنُ سَعْدٍ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ أَنَّ عَطَاءَ بْنَ يَزِيدَ أَخْبَرَهُ أَنَّ حُمْرَانَ مَوْلَى عُثْمَانَ أَخْبَرَهُ أَنَّهُ رَأَى عُثْمَانَ بْنَ عَفَّانَ دَعَا بِإِنَاءٍ فَأَفْرَغَ عَلَى كَفِّهِ ثَلَاثَ مِرَارٍ فَعَسَلَهُمَا ثُمَّ أَدْخَلَ يَمِينَهُ فِي الْإِنَاءِ فَمَضْمَضَ وَاسْتَنْشَقَ ثُمَّ غَسَلَ وَجْهَهُ ثَلَاثًا وَيَدَيْهِ إِلَى الْمِرْفَقَيْنِ ثَلَاثَ مِرَارٍ ثُمَّ مَسَحَ بِرَأْسِهِ ثُمَّ غَسَلَ رِجْلَيْهِ ثَلَاثَ مِرَارٍ إِلَى الْكَعْبَيْنِ ثُمَّ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ تَوَضَّأَ نَحْوَ وُضُوئِي هَذَا ثُمَّ صَلَّى رَكْعَتَيْنِ لَا يُحَدِّثُ فِيهِمَا نَفْسَهُ غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

وَعَنْ إِبْرَاهِيمَ قَالَ قَالَ صَالِحُ بْنُ كَيْسَانَ قَالَ ابْنُ شِهَابٍ وَلَكِنْ عُرْوَةُ يُحَدِّثُ عَنْ حُمْرَانَ فَلَمَّا تَوَضَّأَ عُثْمَانُ قَالَ أَلَا أُحَدِّثُكُمْ حَدِيثًا لَوْلَا آيَةُ مَا حَدَّثْتُكُمْوه سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ لَا يَتَوَضَّأُ رَجُلٌ يُحْسِنُ وُضُوءَهُ وَيُصَلِّي الصَّلَاةَ إِلَّا غُفِرَ لَهُ مَا بَيْنَهُ وَبَيْنَ الصَّلَاةِ حَتَّى يُصَلِّيَهَا قَالَ عُرْوَةُ الْآيَةُ (إِنَّ الَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَا أَنزَلْنَا مِنَ الْبَيِّنَاتِ)

155 - 'Abdul 'Aziz bin 'Abdullah Al-Uwaisi meriwayatkan kepada kami, katanya: Ibrahim bin Sa'ad meriwayatkan kepadaku daripada Ibni Syihab bahawa 'Atha' bin Yazid meriwayatkan kepadanya bahawa Humran hamba bebasan 'Utsman memberitahunya bahawa dia melihat 'Utsman bin Affan meminta bekas air dan

²⁹ 'Abdullah bin Zaid yang dimaksudkan di sini ialah 'Abdullah bin Zaid bin 'Aashim Al-Mazini, bukan 'Abdullah bin Zaid bin 'Abdi Rabbih yang mendapat mimpi tentang azan itu. Qasthallani telah tersasul di sini kerana mengatakan hadits ini diriwayatkan oleh 'Abdullah bin Zaid bin 'Abdi Rabbih.

menuangkan air ke atas dua tapak tangannya sebanyak tiga kali lalu beliau membasuh kedua belah tangannya. Kemudian beliau memasukkan tangan kanannya ke dalam bekas itu, lalu berkumur dan *beristintsar* (menghembuskan air keluar dari hidung setelah menghisap air itu ke dalamnya), kemudian beliau membasuh muka tiga kali dan kedua belah tangannya hingga ke siku tiga kali. Setelah itu beliau menyapu kepala. Kemudian membasuh pula kedua belah kakinya hingga ke buku lali sebanyak tiga kali. Setelah selesai semua yang tersebut itu dilakukannya barulah beliau berkata: Rasulullah s.a.w telah bersabda: “Sesiapa berwudhu’ seperti wudhu’ku ini, kemudian bersembahyang dua raka’at dalam keadaan dia tidak berbicara dengan dirinya³⁰ di dalam dua raka’at (yang dikerjakannya) itu, niscaya akan diampunkan dosanya yang lalu.”

Diriwayatkan daripada Ibrahim, ujarinya: Saleh bin Kaisan berkata, Ibnu Syihab mengatakan: “Akan tetapi `Urwah meriwayatkan daripada Humran (dengan lafaz): “Setelah `Utsman selesai berwudhu’ beliau berkata: “Mahukah kamu aku ceritakan kepadamu satu hadith. Kalaulah tidak kerana adanya satu ayat (di dalam Al-Quran), tentu saya tidak akan menceritakannya iaitu saya telah mendengar Nabi s.a.w bersabda: “Tidak berwudhu’ seseorang dengan sempurna, lalu dia bersembahyang, melainkan Allah s.w.t mengampunkan dosanya di antara sembahyang yang dikerjakannya itu dengan sembahyang berikutnya.” `Urwah berkata: “Ayat yang beliau maksudkan itu ialah (إِنَّ الَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَا أَنزَلْنَا مِنَ الْبَيِّنَاتِ)³¹.”

³⁰ Yang dimaksudkan dengan “tidak berbicara dengan dirinya” yang tersebut di dalam hadits ini ialah tidak menurut khayalan yang terlintas di dalam hati ketika bersembahyang. Boleh jadi juga ia bermaksud, tidak berbicara dengan dirinya tentang hal-hal keduniaan seperti tersebut di dalam hadits Tarmizi. Maka tidaklah termasuk di dalamnya, jika seseorang itu menurut atau menghayati ma’na bacaan Al-Qur’an dan lain-lain yang dibacanya di dalam sembahyang.

³¹ Ayat ini selengkapnya adalah seperti berikut:

إِنَّ الَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَا أَنزَلْنَا مِنَ الْبَيِّنَاتِ وَأَهْدَىٰ مِنْ بَيِّنَةٍ لِلنَّاسِ فِي الْكِتَابِ أُولَٰئِكَ يَلْعَنُهُمُ اللَّهُ وَيَلْعَنُهُمُ اللَّعْنُونَ ﴿١٥٩﴾

Bermaksud: Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah Kami turunkan berupa keterangan-keterangan (yang nyata) dan petunjuk, sesudah Kami menerangkannya kepada manusia di dalam Kitab suci, mereka itu dilaknat oleh Allah dan dilaknat oleh sekalian makhluk [Al-Baqarah:159].

Ayat ini asalnya turun berkenaan dengan pendeta-pendeta Yahudi yang sengaja menyembunyikan kepada manusia berita gembira yang Allah berikan di dalam Kitab Taurat tentang Nabi Muhammad s.a.w. Tetapi Sayyidina `Utsman memakainya dalam ertinya yang umum merangkumi setiap orang yang menyembunyikan kebenaran. Di antara kebenaran yang tidak harus disembunyikan ialah hadits-hadits Rasulullah s.a.w, kerana ia juga merupakan wahyu dari Allah s.w.t. Tindakan Sayyidina `Utsman ini juga menjadi salah satu dalil bagi satu qaedah yang masyhur di dalam Usul Tafsir dan diguna pakai oleh semua ahli tafsir, berbunyi: العبرة بعموم اللفظ لا بتخصيصه (yang diambil kira daripada Al-Qur’an itu ialah umum lafaznya, bukan sebab atau latar belakangnya yang khusus).